

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**VLT 336 – Drama dan Teater Moden Malaysia**

Masa : 3 jam

---

**Arahan:**

1. **Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dan TIGA [3] muka surat yang bercetak.**
  2. **Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.**
  3. **Setiap soalan bernilai 100 markah.**
-

1. Bincangkan pemikiran dan maksud tersirat yang ingin disampaikan oleh Faizal Tehrani melalui drama **MISI**  
[100 markah]
2. "Drama moden berbentuk lakonan terus menerus. Tidak ada kata bual yang dibuat sekejap-sekejap tetapi dialog mesti hafal. Semuanya harus berlatar realistik. Tidak ada selingan yang merosakkan suasana, sebelum dan sesudah adengan. Tidak ada lagi tabir diturun naik". Berdasarkan kenyataan tersebut, bagaimana drama "**Dua Tiga Kuching Berlari**" karya Kaladewata **ATAU** drama "**Tamu Bukit Kenny**" karya Usman Awang, cuba untuk menepati kehendak petikan di atas dari sudut gaya pementasan dan pemikiran yang hendak disampaikan.  
[100 markah]
3. Huraikan apakah yang ingin diutarakan oleh penulis melalui **DUA [2]** dari **LIMA [5]** drama di bawah:
  - a] Si Bongkok Tanjung Puteri[Shahrom Hussain]
  - b] Sri Sarawak[A. B. Nor]
  - c] Tok Perak[Syed Alwi]
  - d] Jangan Bunuh Rama-Rama[Noordin Hassan]
  - e] Pak Tua[Johan Jaafar][100 markah]
4. Drama *The Cord* karya K. S. Maniam membincangkan dilemma dan tekanan yang dihadapi oleh masyarakat kelas pekerja yang berkait secara langsung dengan Sistem Kangani dalam tenaga buruh imigran di Tanah Melayu. Jelasnya segala konflik yang diketengahkan oleh penulis tersebut adalah berkaitan dengan isu masyarakat yang terlibat di dalam sistem tersebut. Dengan merujuk kepada watak-watak yang terlibat bagaimana penulis membincangkan isu tersebut.  
[100 markah]
5. Drama Sandiwara merupakan 'asas drama moden'. Huraikan kenyataan tersebut.  
[100 markah]

6. Huraikan sejarah perkembangan drama moden Melayu dari tahun 1940an hingga 1980an.

[100 markah]

- ooo O ooo -